



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[SUPERSTITIOUS PRACTICES RELATED TO BABIES IN THE MALAY MUSLIM COMMUNITY OF MALACCA]

AMALAN KHURAFAT BERKAITAN BAYI DALAM MASYARAKAT MELAYU ISLAM MELAKA

RAHMAT ABDULLAH^{1*}
WAN MOHAMMAD UBaidILLAH WAN ABAS²

¹Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Kuala Langat,
Jalan Sultan Suleiman Shah, 42700 Banting Selangor.

²Open University Malaysia, Menara OUM, Block C, Kompleks Kelana Centre Point,
Jalan SS7/19, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

*Corresponding Author: rahmatabdullah.eme@gmail.com

Received Date: 1 November 2023 • Accepted Date: 1 December 2023

Abstract

Islam places great emphasis on matters related to faith and shariah. All practices and beliefs that are not based on original sources such as the Quran, Hadith, Ijma' and Qiyas are rejected by Islam. All forms of superstition, whether in the form of practice or belief, can lead to polytheism and are contrary to Islamic creed and shariah. However, some people today still believe and practice it in certain circumstances due to certain factors. This paper aims to identify the superstitious practices against babies that are still practiced among the Malay community in the state of Malacca. In addition, it will assess the level of understanding of superstitions against babies among them. The study respondents included 45 Malay women in a village in Central Melaka who had been married, pregnant and given birth. Data was analyzed as a percentage using Microsoft Excel software based on a Likert scale of 1-5. Findings show that there are 5 highest superstitious practices and 2 lowest superstitious practices ever performed by pregnant mothers towards babies during pregnancy, childbirth, and abstinence. In addition, pregnant women's understanding of superstitious practices against babies is at a moderate level. The highest mean value of 4.93 refers to respondents understanding that superstitious acts against babies are included in major sins and shirk to God while the lowest mean value of 1.57 refers to the statement 'I understand the entire practice of superstition against babies and have never done it'.

Keywords: Superstitions, Babies, Malay Muslim community, Malacca

Abstrak

Islam sangat menitikberatkan perkara yang berkaitan dengan akidah dan syariah. Segala amalan dan kepercayaan yang tidak berdasarkan kepada sumber-sumber yang asal seperti Al-Quran,

Hadith, Ijma' dan Qiyas adalah ditolak oleh Islam. Segala bentuk khurafat sama ada yang berbentuk amalan atau kepercayaan boleh membawa kepada syirik dan bertentangan dengan akidah dan syariah Islam. Namun sebahagian masyarakat masa kini masih mempercayai dan mengamalkannya dalam keadaan tertentu atas faktor tertentu. Kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan-amalan khurafat terhadap bayi yang masih dilakukan dalam kalangan masyarakat Melayu di negeri Melaka. Selain itu ia akan menilai tahap kefahaman khurafat terhadap bayi dalam kalangan mereka. Responden kajian melibatkan 45 wanita Melayu di sebuah kampung di Melaka Tengah yang pernah berkahwin, hamil dan bersalin. Data dianalisis secara peratusan menggunakan perisian Microsoft Excel berdasarkan skala Likert 1-5. Dapatan menunjukkan terdapat 5 amalan khurafat tertinggi dan 2 amalan khurafat yang paling rendah pernah dilakukan oleh ibu hamil terhadap bayi semasa melayari tempoh mengandung, bersalin dan berpantang. Selain itu, kefahaman ibu hamil tentang amalan khurafat terhadap bayi berada pada tahap sederhana. Nilai min tertinggi iaitu 4.93 merujuk kepada responden memahami perbuatan khurafat terhadap bayi adalah termasuk di dalam dosa-dosa besar dan syirik kepada Allah manakala nilai min terendah iaitu 1.57 merujuk kepada pernyataan 'saya memahami keseluruhan amalan khurafat terhadap bayi dan tidak pernah melakukannya'.

Kata Kunci: Amalan Khurafat, Bayi, Masyarakat Melayu Islam, Melaka

Cite as: Rahmat Abdullah & Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas. 2023. Amalan Khurafat Berkaitan Bayi Dalam Masyarakat Melayu Islam Melaka [Superstitious Practices Related to Babies In The Malay Muslim Community Of Malacca]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(2): 1-13.

PENGENALAN

Khurafat dari segi bahasa ialah kepercayaan karut, dongeng dan tahyul (Kamus Dewan, 2005). Perkataan khurafat juga membawa maksud cerita rekaan dan menarik yang disampaikan oleh pendusta menurut Kamus Bahasa Arab Mukjam Wasit. Khurafat dari segi istilah syarak ialah semua bentuk cerita rekaan atau khayalan, dan setiap ajaran yang termasuk padanya adat istiadat, pantang larang, ramalan, pemujaan dan kepercayaan yang bersalahan dengan agama Islam (Saleh, 2012). Di dalam bahasa Inggeris, khurafat membawa makna seerti dengan panggilan "*superstition*" (Hornby & Omar, 2007). Mistik, tahyul dan khurafat adalah istilah yang sinonim dan kebiasaannya merujuk kepada perkara di luar imaginasi batasan fikiran kemampuan akal manusia.

Dr Yusof al-Qaradawi menyatakan bahawa amalan khurafat perlulah ditinggalkan dan dijauhi. Ini kerana amalan tersebut membawa kepada syirik. Pengkaji berpendapat bahawa khurafat boleh dikatakan sebagai amalan atau kepercayaan yang bertentangan dengan prinsip rukun Islam, rukun iman dan ihsan dengan meniru sebahagian atau keseluruhan ajaran agama lain dalam pelbagai cara dan bentuk atau ateistik yang membawa kepada kesyirikan terhadap Allah. Bukan setakat itu sahaja, bahkan ajaran khurafat juga divedok dan diadun daripada adat dan petua yang tidak munasabah dan tidak bersumberkan daripada sebarang dalil. Walau bagaimana pun ianya dianggap mempunyai nilai tertentu dan menjadi satu pegangan yang ampuh di dalam kehidupan masyarakat Melayu serta beranggapan bahawa telah melanggar adat sekiranya tidak mengikut anjuran sesuatu amalan tinggalan nenek moyang.

Terdapat unsur khurafat semasa kehamilan (Hassan, 2000). Petua dan pantang larang

ketika kehamilan juga selalunya diambil daripada pesan orang tua-tua yang dipengaruhi unsur khurafat (Isa *et al.*, 2019). Begitu juga proses kelahiran bayi (Yuspita, Priyadi & Sanulita, 2016). Kebanyakan petua yang diberikan tidak ada kaitan secara spesifik dengan ibu selepas melahirkan bayi. Bahkan ianya terdapat di dalam upacara ritual agama Hindu, Buddha, Animisme dan Dinamisme seperti memakai tangkal, berjumpa bomoh dan pelbagai jampi yang tidak menepati syariat Islam (Abdullah, 2009). Oleh kerana itu, pantang larang yang dianjurkan lebih kepada menjelmakan akibat yang buruk sekiranya dilanggar. Terlalu banyak kebimbangan dan sangkaan salah terhadap ibu hamil dan bayi seolah-olah merasakan bahawa tanpa ikhtiar dalam bentuk khurafat, keadaan ibu hamil dan bayi akan bertambah parah dengan menggambarkan pengalaman dan nasib yang telah menimpa orang terdahulu. Nasib malang akan senantiasa menimpa ibu hamil dan juga bayi yang bakal lahir sekiranya tidak mengikut pantang larang yang telah ditetapkan. Justeru itu, pengkaji mengupas beberapa amalan khurafat yang pernah dilakukan oleh masyarakat Melayu di Melaka sama ada terhadap ibu dan juga bayi (di dalam kandungan) ketika hamil, ketika bersalin dan selepas bersalin (ketika menjalani tempoh berpantang).

Artikel (Ahmad *et al.*, 2015) yang bertajuk (Adat Melenggang Perut : Antara Adat dan Islam) memfokuskan bahawa melenggang perut termasuk di dalam perkara khurafat kerana terdapat di dalamnya ritual agama Hindu. Ibu yang hamil akan diandam pada usia kandungan 7 bulan, dipakaikan dengan tujuh lapisan warna kain, dipilih tarikh yang tertentu untuk melakukan upacara “lenggang perut” dan ditilik jantina anak di dalam kandungan oleh bidan dengan bacaan mentera dan jampi serapah serta beranggapan bahawa upacara ini adalah untuk memastikan ibu dapat melahirkan anak dengan selamat. Dapatan kajian berbentuk kualitatif telah merumuskan bahawa adat yang bercampur dengan khurafat perlulah ditinggalkan kerana bertentangan dengan akidah Islam yang sebenar.

Menurut kajian (Zainal, 2021), istilah mandi 7 bulan atau “*Baby shower*” adalah bertujuan untuk mendapat keselamatan bagi ibu hamil dan juga bayi supaya mudah melalui proses bersalin. Dalam kajian yang bertajuk (Tinjauan Islam Terhadap Pelaksanaan Tradisi Mandi Tujuh Bulanan Suku Melayu Di Kelurahan Tungkal Harapan Kecamatan Tungkal Ilir) memfokuskan tentang adat dan syariat yang dibenarkan di dalam majlis tersebut dengan mengadakan bacaan al-Quran dan doa selamat. Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk kualitatif. Dapatan kajian telah merumuskan bahawa majlis mandi 7 bulan boleh di terima di dalam Islam sekiranya tidak bercampur dengan unsur syirik kepada Allah.

Menurut (Namuwali & Agustine, 2017) telah membincangkan tentang amalan larangan bersetubuh dengan isteri ketika kandungan isteri mencecah usia 7 bulan. Kajian yang bertajuk (Tantangan Revolusi Kesehatan Ibu Dan Anak (Kia) Dalam Budaya Sumba Timur) yang telah dijalankan di Indonesia membicarakan perihal ibu hamil dan masalah kesihatan ketika kehamilan serta rujukan para ibu ketika hamil. Kajian dijalankan di dalam bentuk kualitatif. Dapatan kajian memfokuskan kepada ibu hamil yang masih berjumpa dukun untuk berurut dan mendapatkan nasihat berkaitan perihal proses kehamilan dan bayi dalam kandungan. Ibu hamil dilarang bersetubuh dengan suami kerana dikhuatiri anak yang bakal lahir akan cacat serta menghadapi kesusahan semasa bersalin. Ini bertentangan dengan konsep akidah Islam yang sebenar kerana tiada sesiapa yang mengetahui sesuatu perihal alam ghaib kecuali Allah S.W.T sahaja.

Dalam kajian (Ginting & Munthe, 2021) yang bertajuk (Tinjauan Dogmatis Mengenai

Penggunaan Anti Palasik Sebagai Media Pelindung Diri Di GBKP Runggun Kabantua) membahaskan tentang wanita yang membawa gunting ketika hamil dapat menjauhkan diri daripada diganggu oleh roh dan anasir jahat. Kajian yang dijalankan di dalam bentuk kualitatif ini mengeluarkan hasil dapatan yang bertentangan dengan pegangan ahli kitab iaitu meyakini bahawa pelindung sebenar adalah Allah S.W.T. Justeru itu, tradisi yang diamalkan oleh masyarakat karo mempunyai unsur khurafat di dalam kepercayaan agama Kristian.

Air selusuh sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia berdasarkan kepada kajian (Hussain *et al.*, 2019). Artikel yang telah dihasilkan (*Old Advices/Tips And Healthcare Practice As A Malay Local Knowledge Based On Manuscript Mss3140 Kitab Tibb*) dalam bentuk kualitatif dan memfokuskan berkaitan kitab amalan orang Melayu terdahulu menjumpai bahawa khazanah dan tinggalan nenek moyang mempunyai unsur perubatan. Dapatan kajian merumuskan bahawa orang Melayu mempunyai kaedah tersendiri di dalam mencari penawar terhadap pelbagai penyakit. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu terdahulu telah beradaptasi dengan alam semulajadi. Air selusuh kebiasaannya akan diberikan oleh bomoh kepada ibu hamil yang telah sampai masa untuk bersalin. Jampi serapah yang dibacakan pada air adalah berbentuk permohonan dan permintaan selain daripada Allah S.W.T. Perbuatan ini membawa kepada syirik dan khurafat yang nyata. Masyarakat Melayu sering menggunakan istilah “air tawar” iaitu air yang dibacakan doa padanya oleh ustaz berdasarkan ayat suci al-Quran dan juga Hadis Nabi Muhammad S.A.W. Sekiranya air tawar yang diberikan kepada wanita ketika melalui proses kehamilan, maka perbuatan ini masih lagi dianggap berlandaskan syariat kerana meletakkan hajat dan kebergantungan hanya kepada Allah S.W.T.

Pengurusan uri juga tidak kurang pentingnya ketika proses kelahiran dimana masyarakat Melayu sangat menjaga adat turun temurun yang diwarisi menurut (Ramli, Kamaruddin & Abdul Wahab, 2019). Artikel yang telah ditulis (*Amalan Pengurusan Uri Pasca Kelahiran Dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Hukum Islam*) memfokuskan kajian terhadap uri bayi. Kajian yang dijalankan ini adalah di dalam bentuk kualitatif dan proses pengumpulan data adalah hasil temu bual dengan bidan kampung yang berpengalaman di dalam menyambut kelahiran bayi. Dapatan kajian telah merumuskan bahawa terdapat dua unsur utama di dalam pengurusan uri bayi samaada dalam bentuk kepercayaan tertentu yang boleh membawa kepada hukum haram di dalam Islam dan yang tidak melibatkan sebarang bentuk kepercayaan menjadikan hukumnya hanya sekadar harus sahaja.

Namun tidak kurangnya, urusan uri ini juga bercampur baur dengan kepercayaan khurafat di mana sesetengahnya berpendapat uri (plasenta) adalah abang atau kakak atau saudara kembar kepada bayi yang telah lahir (Damit & Mokhtar, 2018). Pengurusan uri dengan pelbagai upacara ritual keagamaan dikira wajar kerana menghormati pengorbanan saudara kembar (iaitu plasenta) yang membenarkan bayi lahir ke dunia (Kamaruddin, Ramli & Abdul Wahab, 2018). Jelaslah bahawa terdapat unsur kepercayaan dan amalan khurafat di dalam proses pengurusan uri bayi. Kepercayaan ini sama sekali bercanggah dengan fakta daripada kajian sains.

Begitu juga halnya berkaitan tangkal yang dipakaikan kepada bayi bagi mengelakkan gangguan makhluk halus. Kajian daripada (Sundara, Rahmawati & Syahfitri, 2020) di dalam penulisan yang bertajuk (*Mitos Dalam Merawat Bayi Di Desa Kelong*) di Indonesia dijalankan dalam bentuk kualitatif membincangkan bahawa masih lagi terdapat pegangan yang kuat

daripada para ibu berkaitan kepercayaan terhadap penggunaan tangkal kepada bayi. Namun oleh kerana, kesedaran terhadap khurafat yang kurang di dalam diri masyarakat menjadikan perbuatan memakai tangkal adalah sebagai satu mitos yang dianggap tidak bercanggah dengan agama Islam. Namun terdapat juga masyarakat di Desa Kelong yang menyedari bahawa memakai tangkal adalah syirik.

Majlis “Cukur jambul” dilihat hampir kepada amalan yang bertepatan dengan syariat Islam menurut (Ibrahim *et al.*, 2022) di dalam artikel yang bertajuk (*A Study on Children Customary Clothes in Malay Head Shaving - Cukur Jambul Ceremony for The Malay Royal Tradition*). Amalan ini juga popular di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Kajian yang dijalankan di dalam bentuk kualitatif ini mendapat penemuan bahawa setiap ibu bapa perlulah bersyukur dengan mengadakan majlis bagi meraikan zuriat yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka. Cukur Jambul juga dijadikan lambang kepada anak yang lahir itu suci daripada pelbagai dosa.

Walaupun begitu, terdapat padanya perkara bidaah dan khurafat yang masih diamalkan di dalam masyarakat Melayu Islam di dalam amalan cukur jambul ini menurut (Musa, 2016). Upacara memotong sebahagian rambut bayi yang baru lahir ketika berumur tujuh hari dimasukkan ke dalam air kelapa yang telah dibelah. Menurut Harun Din, upacara cukur jambul termasuk pada amalan bidaah dan khurafat (Zainon, 2006). Tidak ada kepentingan buah kelapa di dalam majlis ini melainkan ianya pengaruh daripada unsur agama Hindu yang kebanyakannya menggunakan kelapa adalah untuk upacara sembahyang di kuil. Perbuatan ini boleh dianggap syirik di sisi agama Islam.

Menjadi pedoman bagi wanita yang hamil dan melahirkan mendengar petua daripada bomoh, pawang dan dukun sebagai garis panduan di dalam menjaga diri dan anak dalam tempoh berpantang menurut (Anggorodi, 2009). Kajian yang telah dihasilkan (Dukun bayi dalam persalinan oleh masyarakat Indonesia) dalam bentuk kualitatif memfokuskan tugas dukun yang dapat menyelesaikan keseluruhan masalah terhadap bayi. Dapatan kajian merumuskan bahawa dukun yang mengamalkan jampi dengan menggunakan ayat al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad S.A.W sahaja dibenarkan di dalam Islam manakala sebaliknya membawa kepada perbuatan maksiat dan syirik kepada Allah S.W.T.

Teori yang digunakan oleh pengkaji ialah berteraskan kepada akidah sebenar Ahli Sunnah Wal Jamaah serta pegangang terhadap rukun islam dan rukun iman. Walaupun terdapat kajian lepas menggunakan kaedah kualitatif seperti Khurafat di Mukim Jeram (Sulaiman, 2003), tradisi berendoi, cukur jambul (Ghaffa, 2015), lenggang perut (Ahmad *et al.*, 2015), menanam uri (Ramli, Kamaruddin & Abdul Wahab, 2019) dan pemakaian tangkal pada bayi (Sundara, Rahmawati & Syafitri, 2020), namun pengkaji cuba menggunakan pendekatan yang berbeza daripada kajian lepas iaitu dengan kaedah kuantitatif untuk menghuraikan hasil dapatan kajian. Justeru itu, pengkaji mengambil cabaran untuk menjalankan kajian dalam bentuk kuantitatif bagi menjawab soalan kajian iaitu mengeluarkan senarai amalan khurafat berkaitan bayi yang masih dilakukan dikalangan masyarakat Melayu di Kampung Pernu, Melaka Tengah, Melaka.

Pengkaji menggunakan sumber yang banyak diperolehi dari kajian yang telah dijalankan di Indonesia. Ini kerana masih belum giat lagi kajian berkaitan amalan khurafat semasa hamil dan bersalin di Malaysia melainkan ianya hanya mengupas pelbagai bentuk adat masyarakat Melayu dan pandangan adat dan petua menurut teori kesihatan moden. Justeru itu,

pengkaji mahu menjadikan kajian unsur khurafat berkaitan bayi semasa proses kehamilan dan bersalin bagi masyarakat Melayu dibongkar sehabis-habisnya supaya tidak ada lagi petua dan adat yang bertentangan dengan syariat terus menerus diamalkan oleh generasi yang akan datang.

OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti amalan-amalan khurafat berkaitan bayi yang masih diamalkan oleh wanita ketika hamil dan melahirkan bayi dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Melaka Tengah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk kuantitatif. Berserta dengan itu juga, pengkaji menerangkan reka bentuk kajian, teknik persampelan, kaedah pengumpulan data, dan analisis data. Data sangat mudah dikumpul melalui kaedah kuantitatif, malahan kaedah tinjauan adalah satu-satunya cara yang paling popular di dalam bidang sains sosial (Chua, 2004). Menurut (Creswell, 2005) amalan dan kepercayaan yang akan dikaji oleh pengkaji sangat selari dengan kaedah tinjauan kerana dapatan data dapat merungkai keseluruhan aspek yang merangkumi persepsi, pendapat individu, sikap, pendirian, perlakuan serta personaliti responden.

Bagi menjawab soalan kajian, pengkaji telah menyenaraikan 10 perkara khurafat terhadap bayi yang pernah diamalkan di dalam masyarakat Melayu daripada ujian *preliminary-test* (telah dijalankan di Melaka Tengah secara rawak terhadap ibu-ibu yang pernah hamil dan melahirkan bayi). Sehubungan dengan itu, pengkaji memberikan soalan berbentuk pilihan sama ada pernah melakukan atau tidak pernah melakukan perkara khurafat terhadap bayi dari dalam kandungan sehingga kelahiran. Pengkaji menggunakan data peratusan untuk menjawab soalan berkaitan senarai amalan-amalan khurafat yang pernah dilakukan oleh masyarakat Melayu Islam di Melaka Tengah. Ini kerana huraian peratusan lebih tepat untuk membuktikan berapa ramai bilangan yang masih melakukan amalan khurafat terhadap bayi.

Walaupun terdapat kaedah yang moden iaitu dengan membuat satu borang soal selidik melalui “*Google Form*”, namun pengkaji kluatir dan meragui kesahan dapatan hasil data kerana tidak dapat mengetahui dengan jelas siapakah yang menjawab soal selidik tersebut. Justeru itu, pengkaji memilih untuk mengedarkan soal selidik dari rumah ke rumah Melaka Tengah menggunakan cara bersemuka agar dapatan kajian diperoleh dengan tepat serta pengkaji dapat mengkaji jumlah sebenar responden kerana kebarangkalian terdapat penambahan mahupun pengurangan responden di atas dua faktor iaitu telah berpindah dan mati serta kebarangkalian soal selidik dijawab oleh orang lain yang tidak berkaitan dengan responden sebenar.

Populasi masyarakat Melayu Melaka Tengah adalah seramai 6,800 orang menurut data yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka bagi tahun 2020 (bancian di jalankan setiap 5 tahun). Daripada jumlah di atas seramai 3500 orang adalah lelaki dan 3,300 orang adalah wanita. Seramai 872 orang adalah dikalangan wanita yang bukan Islam manakala selebihnya adalah wanita Islam. Daripada 2,428 orang wanita itu, seramai 45 orang adalah termasuk dikalangan wanita yang sudah berkahwin dan mempunyai anak di Melaka Tengah.

Umur responden adalah bermula daripada 25 tahun sehingga 85 tahun. Pengkaji menggunakan sampel populasi berdasarkan kaedah persampelan *Krejcie and Morgan* (1970) yang menunjukkan 95 peratus ketepatan bagi jumlah responden sebanyak 40 orang wanita sahaja. Justeru itu, jumlah 45 orang wanita yang bakal menjawab soal selidik yang akan diberikan oleh pengkaji, maka hanya 40 orang wanita sahaja yang menjawab sudah memadai untuk membuktikan ketepatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Mahabbah juga merupakan salah satu daripada nilai-nilai Islam yang telah disebutkan dalam kitab suci al-Quran. Mahabbah juga merupakan nilai yang dituntut Islam dalam diri setiap hamba-Nya. Mahabbah dapat didefinisikan sebagaimana berikut.

	Kriteria Responden	N	Peratusan (%)
Umur	20 – 29 tahun	3	6.7
	30 – 39 tahun	8	17.8
	40 – 49 tahun	10	22.2
	50 – 59 tahun	6	13.3
	60 tahun ke atas	18	40.0
	Jumlah	45	100

	Kriteria Responden	N	Peratusan (%)
Pendidikan	Sekolah Rendah	25	55.6
	Sekolah Menengah	6	13.3
	SPM	11	24.4
	Diploma	3	6.7
	Jumlah	45	100

	Kriteria Responden	N	Peratusan (%)
Bilangan Anak	1 Orang Anak	7	15.5
	2 Orang Anak	12	26.7
	3 Orang Anak	5	11.1
	4 Orang Anak	3	6.7
	5 Orang Anak	8	17.8
	6 Orang Anak dan Lebih	10	22.2
		Jumlah	45

Berdasarkan daripada jadual di atas, menunjukkan bahawa sebahagian besar responden iaitu (40%) mewakili 18 orang responden adalah terdiri daripada umur 60 tahun dan ke atas. Majoriti responden adalah terdiri daripada warga emas. Jumlah responden yang terendah adalah daripada usia 20 sehingga 29 tahun yang terdiri daripada 3 orang wanita yang pernah hamil dengan peratusan sebanyak 6.7%.

Taraf pendidikan tertinggi yang teramai dikalangan responden adalah daripada golongan yang mendapat pendidikan hanya sekadar sekolah rendah iaitu seramai 25 orang mewakili 55.6%. Ini bermakna, lebih daripada separuh responden yang tidak menyambung pelajar ke sekolah menengah selepas tamat daripada sekolah rendah (mendapat pendidikan bermula seawal 6 tahun sehingga 12 tahun sahaja). Jadual 1.0 juga merujuk kepada responden yang mempunyai tahap pendidikan tertinggi, iaitu daripada golongan yang mempunyai diploma. Namun hanya 3 orang responden sahaja membawa kepada 6.7% yang mempunyai diploma daripada pelbagai bidang yang diceburi. Responden yang terendah adalah merupakan daripada golongan pelajar lepasan diploma.

Responden yang pernah melahirkan anak seramai 2 orang membawa kepada jumlah peratusan tertinggi iaitu 26.7% mewakili 12 orang responden. Jumlah kedua tertinggi adalah daripada kalangan responden yang pernah hamil dan melahirkan anak seramai 6 orang anak dan ke atas iaitu mewakili 22.2% yang berjumlah seramai 10 orang responden. Berdasarkan kepada jumlah ini, jangkaan awal pengkaji mendapati bahawa amalan khurafat terhadap bayi masih banyak dilakukan dan berulang kali berdasarkan kepada jumlah wanita yang pernah hamil lebih daripada sekali. Rumusan awal mendapati kebarangkalian wanita hamil melakukan amalan khurafat lebih daripada sekali (semasa kehamilan dan melahirkan) adalah sangat tinggi. Peratusan terendah adalah sebanyak 6.7% iaitu mewakili 3 orang wanita yang pernah hamil dan melahirkan anak seramai 4 orang. Tidak terkecuali, golongan peratusan terendah ini juga (walaupun hanya 3 orang responden), pernah melakukan amalan khurafat lebih daripada sekali semasa proses kehamilan dan kelahiran bayi.

Justeru itu, hasil dapatan kajian pengkaji adalah sangat relevan untuk dibahaskan dan dibincangkan kerana terdapat amalan khurafat terhadap bayi yang masih diamalkan di Melaka Tengah, Melaka daripada pelbagai lapisan generasi wanita yang pernah hamil seawal 20 tahun sehingga kepada warga emas dan ke atas. Kajian juga dapat membuktikan bahawa golongan yang berpendidikan tinggi masih lagi mengamalkan amalan khurafat terhadap bayi selain daripada golongan yang berpendidikan rendah. Jumlah anak yang dikandung dan dilahirkan juga menunjukkan bahawa ibu hamil melakukan khurafat secara berterusan dan lebih daripada sekali proses kehamilan dan kelahiran.

Jadual 1.1

Bil.	Perkara	Pernah Melakukan	Peratusan	Tidak Pernah Melakukan	Peratusan
1.	Minum air selusuh yang dijampi bomoh supaya mudah bersalin	45	100	0	0
2.	Membasuh uri (plasenta) dengan limau nipis, garam kasar, asam keping dan asam jawa beserta jampi	45	100	0	0
3.	Menyimpan tali pusat dengan tujuan untuk direbus sekiranya bergaduh sesama adik beradik dan diberi minum airnya bagi mendamaikan mereka	45	100	0	0

4.	Cukur jambul (memasukkan rambut bayi ke dalam buah kelapa muda yang berisi air kelapa)	45	100	0	0
5.	Bila pulang ke rumah, tunggu di luar rumah seketika bayi ada di dalam rumah	45	100	0	0
6.	Lenggang perut	18	40	27	60
7.	Memakaikan tangkal kepada bayi dengan tujuan mengelak daripada gangguan makhluk halus	7	16	38	84
8.	Mengkalungkan bayi dengan kalungan yang dibuat dari benang 3 warna, kulit kerang dan lain-lain dengan tujuan dapat menghindarkan bayi daripada sebarang penyakit	7	16	38	84
9.	Baby Shower (ibu dan bayi dalam kandungan dimandikan dengan tujuan selamat sehingga bersalin)	3	6.7	42	93.3
10.	Dilarang bersetubuh dengan suami ketika kandungan berusia 7 bulan.	3	6.7	42	93.3

Berdasarkan kepada jadual 1.1 di atas, pengkaji mendapati bahawa terdapat 10 amalan khurafat terhadap bayi yang masih diamalkan di Melaka Tengah, Melaka. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat **5 amalan khurafat terhadap bayi tertinggi** yang pernah dilakukan oleh **kesemua responden**. Berdasarkan kepada maklumat terperinci ini, pengkaji dapat membuktikan bahawa terdapat responden yang melakukan amalan khurafat terhadap bayi **lebih daripada satu amalan sahaja**. Justeru itu, **peratusan responden melakukan amalan khurafat terhadap bayi melebihi daripada satu amalan sahaja ialah sebanyak 90%**.

Amalan khurafat terhadap bayi yang terendah dilakukan dalam kalangan responden ialah *baby shower* dan dilarang bersetubuh dengan suami ketika kandungan berusia 7 bulan. Setelah dikaji dengan teliti, pengkaji mendapati bahawa 3 responden yang melakukan 2 amalan khurafat terhadap bayi di atas **adalah responden yang sama**. Justeru itu, pengkaji merasakan bahawa dua amalan khurafat terhadap bayi seperti di atas adalah satu amalan yang **janggal dilakukan**. Namun tidak dinafikan bahawa amalan tersebut pernah dilakukan walaupun dengan peratusan yang paling sedikit iaitu 6.7%. Pengkaji menjangkakan bahawa kebarangkalian terdapat hubung kait antara dua amalan khurafat tersebut terhadap responden.

Perkara khurafat dari nombor 1 hingga 5 adalah amalan wajib yang dipegang oleh masyarakat Melayu Melaka Tengah. Pengkaji mendapati bahawa bidan dan bomoh memainkan peranan penting terhadap 5 amalan khurafat terhadap bayi ini. Ianya seolah-olah menggambarkan bahawa kesemua responden mendapatkan nasihat daripada bidan dan bomoh yang sama atau semua bidan dan bomoh menganjurkan perkara yang sama terhadap kesemua responden.

Perkara khurafat keenam yang tertinggi ialah lenggang perut. Walaupun hanya 18 orang responden yang pernah melakukan perkara tersebut mewakili 40%, namun ianya dianggap masih relevan dan diterima oleh segelintir masyarakat Melayu di Melaka Tengah.

Pengkaji merasakan bahawa pemakaian tangkal dan kalung sudah tidak sesuai lagi pada masa kini. Namun jangkakan pengkaji meleset kerana masih lagi terdapat kepercayaan terhadap tangkal dan kalungan benang. Kedua-dua perkara ini mendapat nilai yang sama iaitu 7 orang

responden pernah melakukannya mewakili 16% manakala 38 orang lagi tidak pernah melakukannya mewakili 84%. Walaupun 2 perkara ini sering terdapat di dalam pengaruh agama Hindu, namun masyarakat Melayu mengambilnya sebagai petua untuk dijadikan amalan buat ibu yang melahirkan bagi menghalau makhluk halus dan mengelakkan pelbagai jenis penyakit terhadap bayi yang baharu dilahirkan.

Pengkaji mendapati bahawa kesemua responden (45 orang wanita) melakukan amalan khurafat terhadap bayi adalah kerana pengaruh dan budaya masyarakat setempat yang menerima sesuatu amalan khurafat untuk dijadikan sebagai petua yang bercanggah dengan syariat. Menjadi tradisi masyarakat Melayu meniru sesuatu perbuatan tanpa berlandaskan dalil kerana sangat berpegang teguh dengan pesanan orang tua-tua.

Firman Allah S.W.T;


“Wahai orang-orang yang beriman! masuklah ke dalam Islam secara keseluruhannya dan janganlah kamu ikut langkah-langkah syaitan, Sesungguhnya, dia adalah musuh yang nyata bagimu”.

(al-Baqarah, 2:208)

Berdasarkan kepada ayat di atas, pengarang menjangkakan terdapat 3 gambaran yang boleh dibuat di dalam kajian ini. Pertama, berlandaskan syariat Islam secara total. Kedua, percampuran antara adat dan syariat Islam namun tidak bertentangan dengan neraca syarak. Ketiga, adat yang ditolak kerana bercanggah dengan syarak.

Justeru itu, pengkaji merasakan bahawa amalan khurafat yang dilakukan oleh responden tidak terdapat di dalam al-Quran, sunnah Nabi Muhammad S.A.W, Ijma' Ulama dan Qiyas yang menyokong perbuatan tersebut. Ianya tidak lain hanyalah beberapa pedoman dan pengetahuan yang divedok daripada agama lain seperti amalan lenggang perut, memakai tangkal, “*Baby Shower*”, merujuk bomoh dengan pelbagai jampi yang jelas diamalkan dalam kepercayaan masyarakat Hindu dan dijadikan petua serta dianggap sunnah oleh sebahagian masyarakat Melayu.

KESIMPULAN



Pengkaji membuat kesimpulan berdasarkan kepada konsep iman. Berpandukan kepada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa manusia hidup di dunia berlandaskan kepada dua jalan iaitu baik dan buruk. Dengan akal yang telah diberikan, manusia perlulah membuat pilihan yang tepat untuk menentukan kehidupan yang seterusnya selepas daripada kematian (alam akhirat). Justeru itu, pengkaji telah membuktikan bahawa khurafat membawa kepada jalan yang sesat dan begitulah sebaliknya. Hati dan nafsu senantiasa berubah. Manusia yang bijak dapat menarik nafsu mengikut panduan yang tepat daripada Allah dan Rasul dan begitulah sebaliknya.

Pengkaji telah mengeluarkan 10 amalan khurafat terhadap bayi berdasarkan kepada bacaan dan pemerhatian. Justeru itu, setiap satu amalan khurafat boleh dijadikan tajuk utama kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik akan datang dengan lebih terperinci dan mendalam.

Penyelidik yang akan datang boleh juga merubah skop dan limitasi kajian berlainan daripada pengkaji. Contohnya mendapatkan maklum balas daripada ahli agamawan, pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), bidan kampung, bomoh dan juga pengamal perubatan yang bertauliah.

Begitu juga, penyelidik yang akan datang boleh menjalankan kajian di negeri yang berlainan dan mempunyai banyak masyarakat yang berbilang kaum, suku dan puak yang kaya dengan pelbagai adat resam dan pantang larang umpamanya di Sabah dan Sarawak.

RUJUKAN

- Abdullah, S. (2009). Institusi bomoh dalam masyarakat Melayu menurut perspektif Islam. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 12, 181-203.
- Ahmad, A. M., Kasim, K., Muhammad, N. N. S., Che Hussain, W. S. E., & Ismail, N. S. A. (2015). Adat melenggang perut: antara adat dan Islam.
- Amran. (2014). *Islam, A. Dampak Pemahaman dan Pengamalan Ajaran di Kecamatan Malun Sulaw*.
- Anggorodi, R. (2009). Dukun bayi dalam persalinan oleh masyarakat Indonesia. *Makara Kesehatan*, 13(1), 9-14.
- Chua, C. (2004, July). Perception of quality in higher education. In *Proceedings of the Australian universities quality forum* (pp. 1-7). Melbourne: AUQA Occasional Publication.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2005). Mixed methods research: Developments, debates, And dilemmas. *Research in organizations: Foundations and methods of inquiry*, 2, 315-326.
- Damit, S. A., & Mokhtar, R. A. M. (2018). Norma Dan Adat Kelahiran Masyarakat Kedayan Di Sipitang, Sabah. *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*.
- Ghaffa, M. A. (2015). Tradisi Berendoi, Cukur Jambul: Meraikan Kelahiran Bayi. *Kosmo!(Sisipan 2!/Segmen Rencana Utama)*, 22 Ogos 2015 (Sabtu), ms. 21-23.
- Ginting, V. N., & Munthe, P. (2021). Tinjauan dogmatis mengenai penggunaan anti palasik sebagai media pelindung diri di GBKP Runggun Kabantua. *Jurnal Sabda Akademika*, 1(2), 84-94.
- Hassan, Q. B. A. ("Al-khurafat Fil Mujtamak al-Brunawiyin Fi Wilayah Sabah Wa Hukmul Islam Fiha" (2000). *Doctoral dissertation, Universiti Islam Sultan Sharif Ali*.
- Hornby, A. S., & Omar, A. H. (2007). *Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Oxford Fajar.
- Hussain, E. M., Ahmad, Z., Ali, T. I. M. T. M., Nasir, N. Y. M., & Hasyim, N. (2019, August). Old advices/tips and healthcare practice as a Malay local knowledge based on manuscript MSS3140 Kitab Tibb. In *Proceedings of the International Conference on Literature (Vol. 1, No. 1)*, pp. 86-95.
- Ibrahim, N. I., Zakaria, M. S., Zainuddin, N., & Zakaria, M. H. (2022). A Study on Children Customary Clothes in Malay Head Shaving-Cukur Jambul Ceremony for The Malay Royal Tradition. *Ideology Journal*, 7(2), 50-58.
- Isa, R. M., Man, S., Rahman, N. N. A., & Pauzi, N. (2019). Pengamalan Wanita Hamil dalam Masyarakat Melayu dari Perspektif Islam: The Practices of Pregnant Women in Malay Communities from An Islamic Perspective. *Jurnal Fiqh*, 16(1), 191-224.
- Kamaruddin, N. K., Ramli, M. A., & Wahab, R. A. (2018). Polemik amalan lotus birth dari Perspektif hukum islam: the polemic of lotus birth practice from islamic law Perspective. *Jurnal Fiqh*, 15, 1-40.
- Keempat, K. D. E. (2005). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala lumpur.
- Musa, S. N. C. (2016). Amalan cukur jambul dalam kalangan masyarakat melayu di Pulau Langkawi (Doctoral dissertation, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2015/2016.).

- Namuwali, D., & Agustine, U. (2017). TANTANGAN REVOLUSI KESEHATAN IBU DAN ANAK (KIA) DALAM BUDAYA SUMBA TIMUR. *Jurnal Penelitian Kesehatan "SUARA FORIKES" (Journal of Health Research "Forikes Voice")*, 9(1)*, 63-73.
- Ramli, M. A., Kamaruddin, N. K., & Abdul Wahab, R. (2019). Amalan Pengurusan Uri (Plasenta) Pasca Kelahiran Dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Hukum Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Saleh, R. R. B. H. M. (Tahun Penerbitan). *Garis Panduan Hukum Mengenai Khurafat dan Azimat*. Melaka: Jabatan Mufti Negeri Melaka.
- Sulaiman, S. S. (2003). Bidaah dan khurafat dalam masyarakat Islam: satu kajian di Jeram, Selangor Siti Sobah Sulaiman (Doctoral dissertation, University of Malaya.).
- Sundara, D., Rahmawati, N., & Syafitri, R. (2020). MITOS DALAM MERAWAT BAYI DI DESA KELONG. *Student Online Journal (SOJ) UMRAH-Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 1(2), 577-585.
- Yaacub, H. (2016). *al-Quran Tafsir Bil Hadis Multazam*. Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Yuspita, E., Priyadi, A. T., & Sanulita, H. Analisis Struktur, Fungsi, dan Makna Mantra Seluruh Masyarakat Melayu Kecamatan Kendawangan Kabupaten Ketapang. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 5(2).
- Zabidi, A. Z. M. (2020). *Khurafat, Tahyul & Mistik di Alam Melayu*. PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zainal, H. (2021). Tinjauan Islam Terhadap Pelaksanaan Tradisi Mandi Tujuh Bulanan Suku Melayu Di Kelurahan Tungkal Harapan Kecamatan Tungkal Ilir. *At-Tadabbur: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 11(2).
- Zainon, Z. (2006). *Cukur Jambul Amalan Bidaah Orang Melayu*. Utusan Malaysia.
- al-Zayat, I. M. A., Abd al-Qadir, H., & Al-Najjar, M. Al-Mu 'jam Al-Wasit. *Majma 'al-Lughah al-'Arabiyyah C, 1*, 582.